



Selera menu antarabangsa

Harian Metro (Setempat) 1/6/18 (Jumaat) m/s: 42

■ Program Iftar Ramadan UMP perkenalkan masakan istimewa pelajar dari luar negara

Anal Marhaton Abd Ghani
cnews@nstp.com.my

Kuantan


Masakan antarabangsa antaranya Mutton Masala (Bangladesh), Chicken Karachi (Pakistan), Fasoulia (Iraq), Kushaf (Egypt), Magrood (Libya) dan Basbousa (Sudan) menjadi antara juadah istimewa dimasak pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Makanan itu disajikan kepada 150 penghuni Rumah Anak Yatim dan Misikin Nur Iman, Sungai Soi di sini, kelmarin.

Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP, Dr Nik Alesnita Nik Mohd Alwi berkata, 100 pelajar dari Yaman, Iraq, Mesir, Somalia, Tanzania, Sudan, Pakistan dan Bangladesh menyediakan juadah tradisi negara masing-masing menerusi program Iftar Ramadan anjuran pejabat antarabangsa universiti berkenaan.

Beliau berkata, program itu adalah inisiatif penuntut antarabangsa sendiri untuk berkongsi pengalaman Ramadan dan beramah mesra dengan penghuni di rumah anak yatim berkenaan.

"Peluang menyediakan juadah berbuka puasa bersama menu antarabangsa ini pastinya menjadi ingatan penghuni dan pelajar yang sangat teruja menyediakan jua-



PROF Dr Daing Nasir (tiga kanan) bersama sukarelawan menyiapkan hidangan berbuka di Masjid UMP Gambang.

sing-masing.

"Selain itu, mereka menimba pengalaman baru di sini di samping mengubat keirinduan kepada keluarga di kampung halaman," katanya.

Beliau berkata, jabatan berkenaan mengadakan pelbagai program bagi memberi peluang penuntut luar negara merasa pengalaman berpuasa termasuk menikmati juaadah menu tempatan, bertarawih, bertasbeur dan berbuka puasa di masjid UMP.

Sementara itu, Yang Dipertua Rumah Anak Yatim dan Misikin Nur Iman, Badrul Huzaini Yusuff berterima kasih kepada UMP yang menceriakan penghuni rumah itu dengan menyediakan juaadah pelbagai negara dan sumbangan duit raya.

Pelajar dari Nigeria, Abdelmadid Benraghda berkata, penyediaan juaadah bermula pada jam 11 tengah hari dengan aktiviti menyalang, memasak dan menyediakan juaadah untuk



PELAJAR sibuk mengacau makanan.

berbuka puasa. "Saya gembira dan teruja berbuka puasa serta menikmati solat tarawih berjemah serta mengadakan Kelas Bahasa Arab untuk anak-anak di sini," katanya. Penuntut program Dekortoran Fakulti Kejuruteraan

Awam dan Sumber Alam, Ashraf A Alamen Teara turut berkongsi pengalaman dengan menyediakan masakan menu negaranya. Libya untuk dinikmati penghuni di sini.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk

Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti menyediakan juaadah berbuka puasa untuk 1,400 pelajar manakala hidangan bersahur antara 200 hingga 300 pelajar di Gambang dan Pekan hasil sumbangan Endowment MyGift UMP.

FAKTA
Juaadah berbuka
dimasak untuk
1,400 pelajar
UMP